NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian akan menyegerakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), dan projek sistem agihan saluran air tahun ini khususnya di daerah-daerah kritikal di Sabah yang kerap dilanda banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM746 juta bagi pelaksanaan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Sabah untuk dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

2. Sebanyak 8 projek di dalam peringkat pelaksanaan di tapak manakala 7 projek di dalam peringkat awalan projek. Di samping itu Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan untuk Rancangan Tebatan Banjir Pelbagai Negeri Sabah dengan peruntukan sebanyak RM 56.6 juta. Kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan kerja-kerja yang telah diluluskan bagi mengatasi isu banjir yang melanda di negeri Sabah.

Sekian. Terima kasih.